

CNS6637

U GB 15-01 00151 BA409

aab

Perhatian Editor: Harap batalkan berita awal "Mahathir-raja" dan gantikan dengan item berikut.

LEAD Mahathir-Raja

AMALAN DEMOKRASI TERSEKAT JIKA RAJA-RAJA TOLAK PINDAAN PERLEMBAGAAN

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata amalan demokrasi berparlimen di Malaysia akan tersekat jika raja-raja Melayu menolak cadangan kerajaan meminda perlembagaan bagi melupuskan imuniti mereka daripada segi undang-undang.

Katanya ia bermakna rakyat tidak mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan.

"Kita berasa sedihlah," kata beliau kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Jepun Kiichi Miyazawa di Hotel Hilton Kuala Lumpur.

Ditanya mengenai keputusan Sultan Kelantan menolak cadangan kerajaan itu seperti yang dilaporkan hari ini, Dr Mahathir berkata beliau telah menjangkanya.

Tentang kemungkinan dua atau tiga orang lagi raja Melayu mengambil keputusan yang sama, Perdana Menteri berkata beliau fikir mereka mungkin juga tolak. -- Lagi

▼15/01/12-16MST

CNS6639

U GB 15-01 00154 BA410

aab

LEAD Mahathir-raja 2 Kuala Lumpur

Raja-raja Melayu dijadual mengadakan perjumpaan esok untuk membuat keputusan menerima atau menolak cadangan kerajaan meminda perlembagaan antara lainnya bagi melupuskan imuniti mereka daripada segi undang-undang.

Perjumpaan esok pada mulanya dijadualkan sebagai mesyuarat ke-159 (khas) Majlis Raja-raja tetapi kini statusnya tidak jelas.

Dr Mahathir berkata beliau diberitahu semalam bahawa raja-raja akan mengadakan mesyuarat mereka sendiri tanpa kehadiran Perdana Menteri atau Menteri Besar sebagaimana biasa.

"Saya tidak tahu sama ada (mesyuarat itu) boleh ditafsirkan sebagai persidangan Majlis Raja-Raja ataupun tidak," kata beliau.

Kerajaan dijadual membentangkan rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan pada satu persidangan khas Dewan Rakyat pada 18 dan 19 Jan ini dan di Dewan Negara pada 20 Jan.

Artikel 38 (4) Perlembagaan Persekutuan bagaimanapun menyatakan bahawa tiada undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran raja-raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-raja. -- Lagi

▼15/01/12-20MST

CNS6644

U GB 15-01 00119 BA411

aab

LEAD Mahathir-raja 3 Kuala Lumpur

Ditanya sama ada setakat ini beliau yakin raja-raja akan menerima cadangan pindaan perlembagaan itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh hendak kata pada waktu ini.

Katanya walaupun ditolak oleh raja-raja, kerajaan akan teruskan keputusannya untuk membuat pindaan perlembagaan tersebut.

"Kita akan teruskan juga. Ini kehendak rakyat (yang) jelas," kata beliau.

"(Ke) mana-mana juga kita pergi orang berasa tidak puas hati dengan kebebasan raja memukul rakyat dan menganiayai rakyat ataupun melakukan jenayah sivil. Ini tidak boleh diterima di zaman moden ini," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengadakan pungutan suara, Dr Mahathir berkata : +Kita akan fikirkan langkah selanjutnya.+ -- Lagi

▼15/01/12-22MST

CNS6650

U GB 15-01 00125 BA412

aab

LEAD Mahathir-raja 4 (akhir) Kuala Lumpur

Menurut Dr Mahathir, ada juga di kalangan raja yang bersetuju dengan pindaan itu sepenuhnya tetapi mereka terdesak oleh raja yang menentang.

Perdana Menteri juga meminta rakyat supaya bertenang kerana kerajaan akan mencari jalan untuk menyelesaikan perkara itu.

Beliau juga tidak menganggap isu itu akan memberi "nyawa baru" kepada Parti Semangat 46 sekiranya raja-raja menolak pindaan itu.

"Semangat 46 sudah setengah mati, tidak lama lagi habislah. Dia hendak tumpang," kata beliau.

Ditanya tindakan kerajaan terhadap isu pembalakan haram, yang banyak dikaitkan dengan golongan istana, Perdana Menteri berkata kerajaan akan bersikap tegas dalam perkara itu.

"Sekiranya ada yang melanggar undang-undang, kita akan ambil tindakan," katanya. -- Bernama

▼15/01/12-31MST